

No. Rujukan : USM53/26

Tarikh : 8 Februari 2022

Dekan/Pengarah/  
Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan  
Kampus Induk

**Bangunan Canselori**  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
[www.usm.my](http://www.usm.my)

## **HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 8 TAHUN 2022: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BAGI MEMBENDUNG PENULARAN VIRUS COVID-19 DI KAMPUS INDUK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak universiti mengambil perhatian serius terhadap peningkatan kes baharu COVID-19 di Kampus Induk sejak kebelakangan ini. Sehubungan itu, bagi tujuan membendung penularan virus COVID-19 di kalangan warga staf dan pelajar, pihak universiti melalui Mesyuarat Khas Pusat Pengurusan Bencana (*Nerve Centre*) pada 7 Februari 2022 telah bersetuju mengarahkan **staf di Kampus Induk untuk Bekerja Dari Rumah (WFH) berkuat kuasa dari 9 hingga 20 Februari 2022 dan menghadkan staf hadir bertugas secara fizikal ke pejabat.**
3. Bagi memastikan tahap keselamatan dan kesejahteraan staf di PTJ masing-masing sentiasa berada dalam keadaan baik di samping urus tadbir serta penyampaian perkhidmatan dapat kekal beroperasi dengan efektif, Ketua Jabatan dibenarkan mengguna budi bicara dan fleksibiliti untuk mengurus kehadiran staf bertugas dalam kampus **secara fizikal tidak melebihi 20% dari jumlah staf PTJ pada sesuatu masa/hari bekerja.**
4. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan operasi PTJ yang memerlukan peningkatan jumlah kehadiran staf ke pejabat secara fizikal melebihi tahap 20%, Ketua Jabatan dibenarkan untuk **meningkatkan jumlah kehadiran staf sehingga 80% dengan syarat mendapatkan kebenaran dari pihak Pusat Pengurusan Bencana (*Nerve Centre*) dan pertambahan kehadiran staf melebihi 20% tersebut hendaklah tidak melebihi tiga (3) hari bekerja dalam seminggu serta kehadiran secara hibrid dan/atau secara giliran.**
5. Arahan ini dikecualikan kepada staf yang terlibat dengan tugas barisan hadapan, terlibat dengan penyampaian perkhidmatan perlu (*essential*), tugas kritikal penyelidikan dan tugas pengajaran serta keperluan penjagaan peralatan di makmal.
6. Dalam hal yang sama, Ketua Jabatan dipohon untuk mengambil perhatian yang tegas dan serius dalam memastikan staf sentiasa mematuhi Prosedur Amalan Standard (SOP) terutama kepada staf yang telah dikenal pasti sebagai Kontak Rapat Covid-19, termasuk mematuhi arahan kuarantin diri dalam tempoh yang ditetapkan bagi tujuan membendung dan mengawal sepenuhnya penularan wabak ini.

**HEBAHAN PENDAFTAR BILANGAN 8 TAHUN 2022: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BAGI MEMBENDUNG PENULARAN VIRUS COVID-19 DI KAMPUS INDUK**

7. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian *hotline* Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- Kampus Induk : 04-6532267 / 04-6536124 (*Nerve Centre*)
- Kampus Kesihatan : 09-7671310
- Kampus Kejuruteraan : 04-5995530/5531/5532/5533
- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) : 04-5622999
- E-mel : [nerve\\_centre\\_usm@usm.my](mailto:nerve_centre_usm@usm.my)

8. Kerjasama Ketua Jabatan dalam memastikan perkara ini diambil perhatian serius dan dikemaskini dalam urus tadbir di PTJ masing-masing amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. MUSA BIN HJ. ALI)**  
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pengarah Pusat Pengurusan Bencana (*Nerve Centre*)